



**SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI BIL: 4/2013**  
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, maka adalah dengan ini dimaklumkan bahawa waktu-waktu bekerja di Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan Kerajaan sepanjang bulan Ramadan bagi tahun Hijrah 1434/2013 Masihi adalah seperti berikut:-

Hari Isnin hingga Khamis	}	Jam	8.00 pagi hingga
dan Hari Sabtu	}		2.00 petang

2. Bagi pekerja-pekerja yang bergaji hari pula masa bekerja hendaklah dikurangkan selama satu jam dari waktu-waktu bekerja biasa sementara penentuan memulakan kerja terserahlah kepada budi bicara Kementerian/Jabatan masing-masing.

Sekianlah sahaja yang dapat dimaklumkan pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

**"Cegah Jenayah, Peranan Masyarakat"**

**(HAJI MOHD 'ABDOH BIN DATO SERI SETIA HAJI ABDUL SALAM)**  
Setiausaha Tetap

Jabatan Perdana Menteri,  
Istana Nurul Iman,  
Bandar Seri Begawan,  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Ruj : ( 4 ) JPM/SK/2013  
Tarikh: 16 Syaaban 1434  
25 Jun 2013